

## **PEMBUBARAN PERKAHWINAN DALAM ISLAM**

Muhammad Iqbal Hakimi Armaz Arriffin  
Muhammad Syabil Fadzil  
Kamarul Azmi Jasmi

Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia

### Suggested Citation:

Armaz Arriffin, M. I. H., Fadzil, M. S., & Jasmi, K. A.(2012). Pembubaran Perkahwinan dalam Islam in *Prosiding Seminar Tamadun 2012* at Marbawy Hall, Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia on 21 April 2012, pp. 109-127. ISBN 978-967-0194-19-6.

### Abstrak

Pembubaran dalam perkahwinan merupakan penceraian atau perpisahan diantara seorang lelaki (suami) dan pasangannya wanita (isteri) merupakan sesuatu yang semula jadi dan hal sebegini tidak dapat dielakkan dalam kehidupan dalam dunia ini. Pembubaran dalam perkahwinan ini boleh dijalankan sekiranya ia gagal memenuhi objektif sesebuah perkahwinan. Selalunya lafaz perceraian sesebuah keluarga dilakukan oleh si suami dan ramai yang tidak tahu bahawa wanita juga mempunyai hak untuk membubarkan sesuatu ikatan perkahwinan. Perlakuan pembubaran dalam perkahwinan ini dibenarkan dalam sesebuah keluarga tetapi ia amat tidak digalakan disisi agama islam. Terma perceraian merupakan lafaz talaq yang dilakukan oleh seorang suami. Sekiranya lafaz talaq satu dan dua, suami dan isteri masih boleh berkahwin semula tanpa syarat tertentu. Sekiranya lafaz talaq ketiga, maka suami dan isteri boleh berkahwin semula tetapi perlulah memenuhi syarat tertentu yang perlu dilakukan oleh mereka. Selepas sesuatu lafaz perceraian itu berlaku, isteri perlu melalui masa edah dan setiap pasangan perlu mematuhi beberapa syarat dalam masa edah tersebut. Dalam agama Islam juga memberikan wanita hak untuk membubarkan sesebuah perkahwinan bagi mempertahankan hak-hak mereka dan ia mempunyai beberapa cara untuk mereka membubarkan sesebuah perkahwinan mereka. Pembubaran sesebuah perkahwinan haruslah dielakkan kerena ia amat dibenci oleh Allah S.W.T.

---

## **PEMBUBARAN PERKAHWINAN DALAM ISLAM**

**Muhammad Iqbal Hakimi Armaz Arriffin**

**Muhammad Syabil Fadzil**

**Kamarul Azmi Jasmi**

### **ABSTRAK**

*Pembubaran dalam perkahwinan merupakan penceraian atau perpisahan diantara seorang lelaki (suami) dan pasangannya wanita (isteri) merupakan sesuatu yang semula jadi dan hal sebegini tidak dapat dielakkan dalam kehidupan dalam dunia ini. Pembubaran dalam perkahwinan ini boleh dijalankan sekiranya ia gagal memenuhi objektif sesebuah perkahwinan. Selalunya lafaz penceraian sesebuah keluarga dilakukan oleh si suami dan ramai yang tidak tahu bahawa wanita juga mempunyai hak untuk membubarkan sesuatu ikatan perkahwinan. Perlakuan pembubaran dalam perkahwinan ini dibenarkan dalam sesebuah keluarga tetapi ia amat tidak digalakan disisi agama islam. Terma penceraian merupakan lafaz talaq yang dilakukan oleh seorang suami. Sekiranya lafaz talaq satu dan dua, suami dan isteri masih boleh berkahwin semula tanpa syarat tertentu. Sekiranya lafaz talaq ketiga, maka suami dan isteri boleh berkahwin semula tetapi perlulah memenuhi syarat tertentu yang perlu dilakukan oleh mereka. Selepas sesuatu lafaz perceraian itu berlaku, isteri perlu melalui masa idda dan setiap pasangan perlu mematuhi beberapa syarat dalam masa idda tersebut. Dalam agama Islam juga memberikan wanita hak untuk membubarkan sesebuah perkahwinan bagi mempertahankan hak-hak mereka dan ia mempunyai beberapa cara untuk mereka membubarkan sesebuah perkahwinan mereka. Pembubaran sesebuah perkahwinan haruslah dielakkan kerena ia amat dibenci oleh Allah S.W.T.*

## PENGENALAN

Pembubaran perkahwinan, ‘talaq’ atau pun dikenali sebagai perceraian antara pasangan suami dan isteri merupakan satu fenomena semulajadi dan tidak dapat dielakkan dalam segelintir institusi kekeluargaan dalam masyarakat manusia. ‘Talaq’ dari segi syara’ pula bermakna melepaskan ikatan perkahwinan dengan menggunakan lafaz talaq atau seumpama denganya. Oleh itu, kita mendapati bahawa dalam setiap agama dalam masyarakat mempunyai cara dan kaedah yang membenarkan pautan ataupun ikatan perkahwinan dibubarkan jika sesbuah institusi kekeluargaan gagal menemui kata sepakat kerana menurut hadis yang diriwayatkan oleh Ibnu Umar Rahiyallahu’anh yang bermaksud: “Rasullullah s.a.w. menceraikan isterinya Hafsa kemudian Baginda meruju’nya semula.” (Riwayat Abd Daud, al-Nasa’I dan Ibnu Majah). Selain daripada itu, Allah S.W.T. pernah berfirman “Cerai (talaq) itu dua kali, selepas itu peganglah isteri kamu (ruju’ dan kekallah) dengan cara yang baik atau lepaskanlah dengan cara yang baik.” (Surah al-Baqarah, 2: 229). Oleh yang demikian, penamatkan perkahwinan kadang-kadang tidak dapat dielakkan dan tiada sistem yang boleh mengabaikan hakikat ini jika ia menimbulkan kegagalan dan menemui jalan buntu setelah pelbagai usaha dilakukan. Justeru itu, kita seharusnya menghalang ikatan perkahwinan daripada dibubarkan kerana ia amat dibenci oleh Allah S.W.T.

## PERLAKUAN YANG DIBENARKAN TETAPI TIDAK DIGALAKAN ISLAM

Islam membenarkan perceraian terhadap pasangan yang berkahwin tetapi pada lingkaran yang tertentu yang ditetapkan oleh syarak. Islam menyifatkan perkahwinan merupakan komitmen sepanjang hayat terhadap sesuatu pasangan. Walaubagaimanapun, sesekala terdapat juga halangan yang membuatkan perkahwinan dalam rumah tangga menjadi tergugat ataupun menjadi kucar-kacir. Oleh itu, perceraian boleh dilakukan oleh kedua-dua belah pihak bagi mengharungi perkahwinan yang tidak menjangkau keserfahaman antara kedua belah pihak antara suami dan isteri. Walaubagaimanapun perceraian hanya boleh dilaksanakan

sebagai pilihan terakhir selepas segala usaha yang dilakukan oleh kedua-dua pasangan suami dan isteri tidak menemui jalan penyelesaiannya ataupun menemui jalan buntu. Oleh itu, perceraian dianggap satu keperluan jika pasangan suami dan isteri tidak serasi ataupun tidak seperfahaman. Walau bagaimanapun, perceraian adalah amat ditegah dan tidak digalakan dalam Islam. al-Quran juga ada menerangkan bahawa umat manusia adalah ditegah melakukan perceraian dalam perkahwinan (Muhammad kab Adamu, 1987: 62). al-Quran juga ada menyebut dalam Surah al-Ahzaab (33: 36):

وَمَا كَانَ لِمُؤْمِنٍ وَلَا مُؤْمِنَةٍ إِذَا قَضَى اللَّهُ وَرَسُولُهُ أَمْرًا أَن يَكُونَ لَهُمْ  
الْحِيَّةُ مِنْ أَمْرِهِمْ وَمَنْ يَعْصِ اللَّهَ وَرَسُولَهُ فَقَدْ ضَلَّ ضَلَالًا مُّبِينًا

Maksud: *Dan tidaklah harus bagi orang-orang yang beriman, lelaki dan perempuan - apabila Allah dan Rasul-Nya menetapkan keputusan mengenai sesuatu perkara (tidaklah harus mereka) mempunyai hak memilih ketetapan sendiri mengenai urusan mereka. Dan sesiapa yang tidak taat kepada hukum Allah dan Rasul-Nya maka sesungguhnya ia sesat dengan kesesatan yang jelas nyata.*

(Surah al-Ahzaab 33: 36)

Ayat tersebut jelas terkandung isi tersirat mengenai perceraian. Selain itu, dalam ayat-ayat al-Quran yang lain juga ada menyebut jelas bahawa menggalakan umat Islam agar tidak tergesa-gesa dalam melalui perceraian walaupun pasangan suami dan isteri tidak lagi bersefahaman dalam kancang perkahwinan mereka.

يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا يَحِلُّ لَكُمْ أَن تَرْثِيَ النِّسَاءَ كَرْهًا وَلَا  
تَعْضُلُوهُنَّ لِتَذَهَّبُوا بِعَيْنِ مَا آتَيْتُمُوهُنَّ إِلَّا أَن يَأْتِيَنَّ بِفَحْشَةٍ  
مُّبِينَةٍ وَعَاسِرُوهُنَّ بِالْمَعْرُوفِ فَإِن كَرِهْتُمُوهُنَّ فَسَعَى أَن تَكْرَهُوْا  
شَيْئًا وَيَجْعَلَ اللَّهُ فِيهِ خَيْرًا كَثِيرًا

Maksud: *Wahai orang-orang yang beriman, tidak halal bagi kamu mewarisi perempuan-perempuan dengan jalan paksaan, dan janganlah kamu menyakiti mereka (dengan menahan dan menyusahkan mereka) kerana kamu hendak mengambil balik sebahagian dari apa yang kamu berikan kepadanya, kecuali (apabila) mereka melakukan perbuatan keji yang nyata. Dan bergaulah kamu dengan mereka (isteri-isteri kamu itu) dengan cara yang baik. Kemudian jika kamu (merasai) benci kepada mereka (disebabkan tingkah-lakunya, janganlah kamu terburu-buru menceraikannya), kerana boleh jadi kamu bencikan sesuatu, sedang Allah hendak menjadikan pada apa yang kamu benci itu kebaikan yang banyak (untuk kamu).*

(Surah al-Nissa' 4:19)

Perceraian juga adalah ditegah oleh Rasullullah s.a.w. kerana Rasullullah pernah bersabda: "Daripada semua benda yang mengikut hukum syarak, perkara yang paling dibenci oleh Allah S.W.T. adalah perceraian. ' Ali yang juga menantu kepada Rasullullah s.a.w. pernah juga berkata, "Kahwinilah dan tidak menceraikan isteri-isteri kamu kerana perceraian adalah tidak disukai oleh Allah S.W.T.

Sebagai contoh, al-Quran mengandungi banyak bab yang mengandungi hal ehwal mengenai perceraian seperti perkara yang terkandung dalam Surah al-Talaq. Selain itu, ada juga ayat-ayat al-Quran mahupun Hadis-hadis yang menyentuh tentang hal ehwal perceraian. Islam juga mengamalkan prinsip bahawa pasangan yang berkahwin adalah tidak dipaksa untuk kekal jika pasangan suami dan isteri tidak bertoleransi antara satu dan yang menyebabkan mereka tertekan, tidak sefahaman mahupun merasakan tidak berpuas hati antara pasangan suami dan isteri yang menemui jalan buntu dalam rumah tangga yang dibina (Jawad H. A., 1998: 71).

## MENGAPA PASANGAN MAHU BERCERAI?

Merujuk pada pandangan Islam, terdapat banyak punca yang menyebabkan berlakunya perceraian terhadap pasangan suami dan isteri. Antara punca-punca yang menyebabkan berlakunya perceraian terhadap pasangan suami dan isteri adalah pasangan mendapati bahawa mereka

tidak lagi serasi dalam kancang perkahwinan mereka yang mungkin berpunca daripada ketidaksefahaman pendapat ataupun tingkah laku yang ditunjukan oleh pasangan. Oleh itu, pasangan tersebut haruslah mengambil jalan untuk bercerai setelah pelbagai usaha untuk bersama gagal menemui kata sepakat dalam rumah tangga mereka (Kenneth Jan Dorph, 1982: 173).

Oleh itu, konflik dan ketegangan akan berlaku dalam situasi tersebut yang pastinya akan menimbulkan rasa tidak selesa antara pasangan suami dan isteri yang mungkin akan menhina antara satu dan yang lain. Justeru itu, perlakuan sedemikian bukan sahaja melibatkan pasangan suami dan isteri sahaja, malah situasi ini juga mungkin turut dirasai dan mungkin akan mengganggu emosi anak-anak pasangan suami dan isteri tersebut jika mereka mempunyai cahaya mata ataupun anak-anak, saudara mara ataupun kenalan rapat yang terdekat. Oleh yang demikian, situasi ini tidaklah hanya melibatkan pasangan suami dan isteri sahaja, malah ia turun dirasai oleh pihak yang lain. Oleh itu, sebagai jalan keluar daripada kesukaran dan ketegangan ini, Islam menetapkan perceraian sebagai langkah untuk menyelesaikan perkara tersebut setelah pelbagai usaha dilakukan oleh kedua-dua belah pihak.

Selain daripada itu, pasangan juga mungkin akan melalui proses perceraian jika salah satu daripada pasangan merasakan tidak berpuas hati terhadap usaha mereka untuk memuaskan keinginan seksual mereka untuk mencari keintiman seksual dalam kancang perkahwinan mereka. Perceraian adalah dibenarkan dan dibenarkan jika suami mati pucuk, oleh yang demikian isteri mempunyai alasan untuk melakukan perceraian terhadap suaminya. Sebaliknya, suami juga mempunyai alasan untuk melakukan perceraian terhadap isterinya jika isterinya tidak mampu melahirkan cahaya mata ataupun mandul. Dalam situasi ini, suami juga boleh bercerai bersama isterinya jika suami mendapati bahawa dia tidak dapat lagi menanggung anak-anak mereka. Selain daripada itu, perceraian juga boleh berlaku lebih-lebih lagi kedua-dua pasangan suami dan isteri atau salah seorang daripada pasangan suami ataupun isteri mengalami penyakit yang amat serius yang boleh menggugatkan hubungan perkahwinan yang terjalin, contohnya salah seorang daripada pasangan suami ataupun isteri mengalami penyakit berbahaya seperti

AIDS ataupun HIV. Tambahan juga, hubungan perkahwinan juga mungkin akan menemui proses perceraian jika suami dimasukkan dalam penjara dalam tempoh masa yang panjang dan gagal untuk menampung isterinya seperti nafkah batin dan nafkah zahir dalam bentuk kewangan bagi menampung kehidupan isterinya mahupun anak-anaknya bagi mereka yang mempunyai cahaya mata dalam perkahwinan mereka (Muhammad kab Adamu, 1987: 64). Dalam situasi yang demikian, perceraian boleh berlaku jika usaha dilakukan dan tiada pilihan lain dan perceraian merupakan jalan yang terakhir.

Perkataan ‘talaq’ yang merupakan perkataan yang berbahasa Arab yang bermaksud longgar, meninggalkan ataupun yang lebih jelas lagi bermaksud menamatkan perkahwinan ataupun melepaskan ikatan. ‘Talaq’ dari segi syara’ pula bermaksud melepaskan ikantan perkahwinan dengan menggunakan lafaz talaq atau seumpamanya. ‘Talaq’ mungkin akan dilafazkan oleh pihak lelaki jika setelah kedua-dua pihak gagal menemui kata sepakat dan menemui jalan buntu (Kenneth Jan Dorph, 1982: 173).

## RUKUN DAN SYARAT TALAK

Dalam pembubaran perkahwinan ataupun dikenali sebagai perceraian untuk menjadikan proses perceraian sah dan berkesan terdapat rukun dan syarat talaq ataupun perceraian. Rukun-rukun ialah suami mestilah menjadi suami kepada isteri melalui perkahwinan yang sah. Suami juga hendaklah berada dalam keadaan yang sedar dan tidak gila, mabuk atau sebaliknya. Suami juga hendaklah baligh dan suami melafazkan cerai secara rela tanpa ada unsur-unsur paksaan daripada mana-mana pihak. Isteri juga mestilah merupakan isteri yang sah sebelum isteri diceraikan dan jika suami mentalaqkan isteri dalam iddah talaq satu maka talaq akan bertambah. Sighah ataupun lafaz juga merupakan rukun talaq yang terbahagi kepada dua, iaitu lafaz ‘sarih’, iaitu lafaz terang ataupun jelas dan lafaz ‘kinayah’ yang juga bermaksud lafaz kiasan yang dilafazkan melalui lafaz kiasan ataupun sindiran, dan akhirnya ‘qasad’ yang bermaksud niat, iaitu bebas daripada sebarang kekeliruan mahupun paksaan dan mempunyai niat yang jelas dan baik (Abu al-Fazl Izzati, 1976: 148).

## KAEDAH TIMBANGTARA MENGIKUT ISLAM

Islam amatlah menentang dan menegah perceraian dan amatlah menyanjung dan menyokong pembentukan institusi kekeluargaan. Oleh yang demikian, pasangan suami dan isteri perlulah melakukan yang terbaik untuk mengekalkan institusi kekeluargaan agar tidak goyah dan mampu menangani pelbagai rintangan yang berlaku bagi mengukuhkan perhubungan sesama suami dan isteri agar harmoni dalam hubungan perkahwinan mereka.

Walau bagaimanapun, jika masalah mahupun ketegangan yang muncul ataupun timbul di antara suami dan isteri, pasangan suami isteri tidak seharusnya mengheret masalah mereka ke arah perceraian. Justeru itu, mereka haruslah cuba sedaya upaya dan berusaha secara serius untuk menyelamatkan perkahwinan mereka agar perkahwinan mereka kekal. Sebagai contoh, mereka haruslah cuba memahami antara satu dan yang lain dan cuba untuk memahami punca-punca perbezaan mereka yang menyebabkan ketidaksefahaman antara kedua belah pihak secara baik dan damai. Walau bagaimanapun jika ini membuktikan tidak Berjaya ataupun masih menemui jalan buntu mereka digalakkan untuk melantik wakil untuk mewakili pihak suami dan pihak isteri untuk cuba menyelesaikan permasalahan yang berlaku dan cuba untuk mengembalikan ketenteraman antara pihas suami dan isteri agar ketegangan tidak berlarutan sehingga berlakunya perceraian pasangan suami dan isteri (Jawad H. A., 1998: 74). al-Quran ada menyebut dalam Surah al-Nissa' (4: 35);

وَإِنْ خَفْتُمْ شَقَاقَيْنِهِمَا فَبَعْثُوا حَكَمًا مِّنْ أَهْلِهِمَا وَحَكَمًا مِّنْ أَهْلِهِمَا

إِنْ يُرِيدَا إِصْلَاحًا يُوقِّتُ اللَّهُ يَعْلَمُ مَا إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلَيْمًا خَيْرًا ﴿٤٥﴾

Maksud: *Dan jika kamu bimbangkan perpecahan di antara mereka berdua (suami isteri) maka lantiklah "orang tengah" (untuk mendamaikan mereka, iaitu), seorang dari keluarga lelaki dan seorang dari keluarga perempuan. Jika kedua-dua "orang tengah" itu (dengan ikhlas) bertujuan hendak mendamaikan, nescaya Allah akan menjadikan kedua (suami isteri itu) berpaktat baik. Sesungguhnya Allah sentiasa Mengetahui, lagi Amat mendalam pengetahuan-Nya.*

(Surah al-Nissa' 4:35)

Wakil yang diamanahkan haruslah melaksanakan amanah mereka dengan bersungguh-sungguh. Mereka haruslah melaksanakan tugas mereka secara berhati-hati dan saksama. Para wakil juga hendaklah berusaha untuk menyelesaikan persengketaan dan ketegangan antara kedua-dua belah pihak suami dan isteri secara teratur tanpa pengetahuan dan publisiti. Mereka juga hendaklah menghindarkan rasa malu dalam membantu mengukaukan ikatan perkahwinan yang semakin luntur agar dapat kembali seperti biasa. Walau bagaimanapun, jika salah satu daripada pasangan enggan bekerjasama maka perkara tersebut hendaklah dikuatkuasakan oleh pihak makamah. Di sini menunjukan bahawa al-Quran dengan jelas melindungi hak wanita dalam perkara yang demikian. Hal ini ditegaskan kerana pihak suami dan isteri akan dipanggil untuk menyiasat perkara di antara pasangan suami dan isteri yang berada di ambang perceraian secara aman.

Semasa proses ini dijalankan, kedudukan isteri adalah sama dengan kedudukan suaminya dan diberikan keutamaan dan memberi peluang kepada pihak isteri untuk membentangkan kesnya agar perkara tersebut dapat diselesaikan dalam keadaan yang aman dan tenteram tanpa melibatkan persengketaan mahupun provokasi antara kedua belah pihak. Hal ini sudah semestinya cara yang adil dan saksama dalam berurus dengan perkara yang melibatkan perceraian. Oleh yang demikian, ini adalah bertujuan untuk melindungi pihak yang lemah, iaitu pihak isteri daripada ditindas oleh pihak lelaki ataupun suami. Sebagai contoh, pihak lelaki atau pun suami tidak sewenang-wenangnya menceraikan isteri agar sifat berperikemanusiaan dapat dipraktikan dalam situasi yang demikian dan memberi peluang kepada pasangan suami isteri agar berfikir dan memikirkan bahana ataupun akibat yang bakal berlaku jika melakukan keputusan secara tergesa-gesa tanpa memikirkan masa yang akan datang (Jawad H. A., 1998: 77).

## **TERMA UNTUK PERCERAIAN**

Isu-isu mengenai perceraian juga ada tertulis dalam al-Quran. al-Quran menyatakan dalam ayatnya bahawa perceraian boleh dilafazkan dua kali, dan seorang wanita itu harus dipertahankan untuk penghormatan atau

diizinkan untuk pergi demi kebaikan. Haram bagi suami untuk mengambil apa-apa saja dari isteri setelah di berikan kepadanya, kecuali kedua-dua pasangan bimbang sekiranya mereka tidak mampu untuk menjaga batas-batas yg di tetapkan oleh Allah (Jawad H. A., 1998: 77). Allah menerangkan dalam ayatnya;

الظَّلْقُ مِرَّتَانِ فَإِمْسَاكُ بِعَرْوِفٍ أَوْ تَشْرِيجٌ بِإِحْسَنٍ وَلَا يَحْلُّ لَكُمْ  
 أَنْ تَأْخُذُوا مِمَّا إِنْ يَمْتُمُونَ شَيْئًا إِلَّا أَنْ يَخَافَا أَلَا يُقِيمَا حُدُودَ اللَّهِ فَإِنْ  
 خَفْتُمْ أَلَا يُقِيمَا حُدُودَ اللَّهِ فَلَا جُنَاحَ عَلَيْهِمَا فِيمَا أَنْفَدْتُ بِهِ تِلْكَ حُدُودُ اللَّهِ  
 فَلَا تَعْتَدُوهَا وَمَنْ يَنْعَدَ حُدُودَ اللَّهِ فَأُولَئِكَ هُمُ الظَّالِمُونَ ۲۲۹

Maksud: *Talak* (yang boleh dirujuk kembali itu hanya) dua kali. Sesudah itu bolehlah ia (rujuk dan) memegang terus (isterinya itu) dengan cara yang sepatutnya atau melepaskan (menceraikannya) dengan cara yang baik dan tidaklah halal bagi kamu mengambil balik sesuatu dari apa yang kamu berikan kepada mereka (isteri-isteri yang diceraikan itu) kecuali jika keduanya (suami isteri takut tidak dapat menegakkan aturan-aturan hukum Allah. Oleh itu kalau kamu khuatir bahawa kedua-duanya tidak dapat menegakkan aturan-aturan hukum Allah, maka tidaklah mereka berdosa - mengenai bayaran (tebus talak) yang diberikan oleh isteri untuk menebus dirinya (dan mengenai pengambilan suami akan bayaran itu).

(Surah al-Baqarah 2:229)

Walau bagaimanapun, lafaz perceraian ketiga merupakan perceraian yang tidak boleh ditarik balek (tidak boleh tebus talak atau rujuk kembali). Tetapi ada cara untuk pasangan yang bercerai pada lafaz cerai yang ketiga untuk rujuk kembali caranya, bekas isteri itu perlu berkahwin dengan lelaki lain lebih dahulu dan orang itu menceraikannya. Setelah itu wanita itu akan dibenarkan untuk berkahwin semula dekan bekas suaminya jika wanita itu berhasrat untuk berkahwin semula dengan bekas lelakinya (Jawad H. A., 1998). Ayat al-Quran yang menerangkan mengenainya;

إِنْ طَلَقَهَا فَلَا تَحِلُّ لَهُ مِنْ بَعْدِ حَيَّتِنَكِحَ زَوْجًا غَيْرَهُ، إِنْ طَلَقَهَا فَلَا جُنَاحَ  
 عَلَيْهَا أَنْ يَرْجِعَاهَا إِنْ ظَنَّا أَنْ يُقِيمَا حُدُودَ اللَّهِ وَتِلْكَ حُدُودُ اللَّهِ يُبَيِّنُهَا

 لِقَوْمٍ يَعْلَمُونَ

Maksud: Sesudah (*diceraikan dua kali*), itu jika *diceraikan pula* (*bagi kali yang ketiga*) maka perempuan itu tidak halal lagi baginya sesudah itu, sehingga ia berkahwin dengan suami yang lain. Setelah itu kalau ia diceraikan (*oleh suami baharu itu dan habis idahnya*), maka mereka berdua (*suami lama dan bekas isterinya*) tidaklah berdosa untuk kembali (*maskahwin semula*), jika mereka kuat menyangka akan dapat menegakkan aturan-aturan hukum Allah dan itulah aturan-aturan hukum Allah, diterangkannya kepada kaum yang (*mahu*) mengetahui dan memahaminya.

(Surah al-Baqarah 2:230)

Allah juga menerangkan batas-batas perceraian dalam ayatnya untuk mencegah seseorang lelaki daripada mereka menggunakan kuasa perceraian terhadap isterinya tanpa mempunyai alsan yang baik.

## DARIPADA MASA PERLAFAZAN

Lafaz perceraian perlu dilakukan ketika isteri berada dalam keadaan suci dari hadas (*thur*), jika tidak perceraian itu dianggap sebagai tidak sah. Ketika isteri dalam keadaan berhadas maka suami dipisahkan secara fizikal daripada isterinya dan ini akan menjadi punca suami lebih cenderung untuk meneruskan proses pemisahan. Sementara itu jika isteri berada dalam keadaan bebas dari hadas maka suami akan lebih rapat dengan isteri dari segi fizikal dan hal ini akan menyababkan suami untuk mempertimbangkan balik keputusan mengenai perpisahan antara mereka. Bagaimanapun, sekiranya penceeraian berlaku, isteri perlu mematuhi tempoh-tempoh yang ditetapkan (*idda*). Tempoh *idda* yang ditetapkan ialah, selama tiga bulan dalam tempoh masa ini hubungan seks (*bersetubuh*) antara kedua-dua pasangan suami isteri tidak

dibenarkan. Perceraian akan menjadi sah di sisi undang-undang setelah tempoh idda itu tamat (Jawad H. A., 1998: 78). Hal ini diterangkan dalam ayat:

يَأَيُّهَا الَّنِي إِذَا طَلَقْتُمُ النِّسَاءَ فَطَلِّقُوهُنَّ لِعِدَّتِهِنَّ وَاحْصُوا الْعِدَّةَ  
 وَاتَّقُوا اللَّهَ رَبَّكُمْ لَا تُخْرِجُوهُنَّ مِنْ بُوْتِهِنَّ وَلَا يَخْرُجْنَ  
 إِلَّا أَنْ يَأْتِيَنَّ بِفَحْشَةٍ مُبِينَةٍ وَتَلَكَ حُدُودُ اللَّهِ وَمَنْ يَتَعَدَّ حُدُودَ اللَّهِ  
 فَقَدْ ظَلَمَ نَفْسَهُ لَا تَدْرِي لَعَلَّ اللَّهَ يُحِيدُثُ بَعْدَ ذَلِكَ أَمْرًا

Maksud: Wahai Nabi! Apabila kamu - (engkau dan umatmu) - hendak menceraikan isteri-isteri (kamu), maka ceraikanlah mereka pada masa mereka dapat memulakan idahnya, dan hitunglah masa idah itu (dengan betul), serta bertaqwalah kepada Allah, Tuhan kamu. Janganlah kamu mengeluarkan mereka dari rumah-rumah kediamannya (sehingga selesai idahnya), dan janganlah pula (dibenarkan) mereka keluar (dari situ), kecuali (jika) mereka melakukan perbuatan keji yang nyata. Dan itulah aturan-aturan hukum Allah (maka janganlah kamu melanggarinya); dan sesiapa yang melanggar aturan hukum Allah maka sesungguhnya ia berlaku zalim kepada dirinya. (Patuhilah hukum-hukum itu, kerana) engkau tidak mengetahui boleh jadi Allah akan mengadakan, sesudah itu, sesuatu perkara (yang lain).

(Surah al-talaaq 65:1)

Tempoh idda bagi isteri yang hamil pula dilanjutkan sehingga isteri melahirkan anak mereka. Setiap yang dituntut oleh Allah mempunyai sebabnya. Antara sebab-sebabnya adalah: pertama, adalah untuk memberi setiap pasangan suami isteri masa yang panjang untuk menimbang semula sikap mereka dan cuba untuk menyelesaikan perbezaan antara mereka. kedua, untuk memastikan sama ada rahim isteri bebas dari benih suami (isteri tidak hamil), kerana anak dijangkakan boleh mendamaikan dan boleh merapatkan kembali hubungan antara suami dan isteri.

## TANGGUNGJAWAB KEPADA BEKAS PASANGAN

Setelah perceraian menjadi sah, kedua-dua pasangan perlu mengakuinya dan menghormati hak-hak masing-masing. Lelaki (bekas suami) perlu bersikap bertimbangrasa dan baik kepada wanita (bekas isteri) seperti yang dinasihati dalam al-Quran:

فِإِذَا بَلَغَنَ أَجْلَهُنَّ فَامْسِكُوهُنَّ بِمَعْرُوفٍ أَوْ فَارِقُوهُنَّ بِمَعْرُوفٍ وَأَشْهِدُوا  
ذَوَيْ عَدْلٍ مِنْكُمْ وَأَقِيمُوا الشَّهَادَةَ لِلَّهِ ذَلِكُمْ يُوعَظُ بِهِ مَنْ كَانَ  
يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَمَنْ يَتَّقَنَ اللَّهَ يَجْعَلَ لَهُ مَحْرَجاً  
﴿٢﴾

Maksud: Kemudian, apabila mereka (hampir) habis tempoh idahnya, maka bolehlah kamu pegang mereka (rujuk) dengan cara yang baik, atau lepaskan mereka dengan cara yang baik; dan adakanlah dua orang saksi yang adil di antara kamu (semasa kamu merujukkan atau melepaskannya); dan hendaklah kamu (yang menjadi saksi) menyempurnakan persaksian itu kerana Allah semata-mata. Dengan hukum-hukum yang tersebut diberi peringatan dan pengajaran kepada sesiapa yang beriman kepada Allah dan hari akhirat; dan sesiapa yang bertaqwa kepada Allah (dengan mengerjakan suruhanNya dan meninggalkan laranganNya), nescaya Allah akan mengadakan baginya jalan keluar (dari segala perkara yang menyusahkannya).

(Surah al-talaaq 65:2)

Ada perbezaan pendapat antara para-para ulama mengenai penyenggaraan terhadap wanita setelah bercerai. Beberapa ulama menyarankan bahawa seseorang janda (wanita yang diceraikan) berhak untuk mendapat pembelanjaan sara hidup, dan elauan kewangan. Manakala sebahagian para ulama lain menegaskan bahawa pembayaran naflkah janda hanya sewaktu dalam tempoh idda, yang mana tidak lebih dari pada tiga kali kitaran haid (Jawad H. A., 1998: 79). Hal ini juga ada dijelaskan dalam ayat al-Quran:

﴿٢٤١﴾  
وَلِمُطْلَقَتِ مَتَعٍ بِالْمَعْرُوفِ حَقًا عَلَى الْمُتَّقِيرِينَ

Maksud: *Dan isteri-isteri yang diceraikan berhak mendapat Mut'ah pemberian saguhati) dengan cara yang patut, sebagai satu tanggungan yang wajib atas orang-orang yang taqwa.*

(Surah al-Baqarah 2: 241)

Ayat ini menjadi panduan umum dan ia tidak menetapkan beberapa emaun yang perlu diberikan, dan ayat ini juga tidak menyatakan apa-apa mengenai tempoh masa yang di peruntukkan untuk mmemberi nafkah kepada bekas isteri. Dalam al-Quran juga menyatakan bahawa kepentingan janda (bekas isteri) perlu dilindungi dan dipertahankan. maka ada beberapa pendapat bahawa pembayaran nafkah itu perlu dilanjutkan melebihi tiga bulan. Pembayaran itu berterusan sehingga janda itu sudah berkawin lain atau janda itu berada dalam kedudukan yang tidak lagi memerlukan bantuan kewangan dari pada bekas suaminya, ini adalah selaras dengan sikap keadilan social yang dituntut dalam al-Quran.

## PERCERAIAN DALAM UNDANG-UNDANG ISLAM

Undang-undang Islam ada menyatakan bahawa kontrak perkahwinan boleh dibubarkan dalam tiga cara: pertama, kematain salah seorang pasangan. Kedua, perbuatan atau tindakan suami atau isteri atau kedua-duanya. Ketiga, ialah melalui proses kehakiman atau keputusan mahkamah. Lafaz perceraian atau pembubaran ikatan perkahwinan diberi kepada suami dan lafaznya adalah talaq (perceraian). Proses perceraian ini boleh dilakukan secara sehala oleh suami tanpa mengeluarkan sebarang sebab. Pakar undang-undang diklifikalsikan perceraian atau talaq ini kepada tiga jenis utama, iaitu Talaq al-Ahsan, Talaq al-hasan, (Abdur Rahim, 1968: 335):

### **Talaq al-Ahsan**

Perceraian ini merupakan perceraian yang paling diluluskan. Dalam perceraian atau talaq ini suami melafazkan satu perceraian tunggal

bukan dua atau tiga kali ketika isteri suci dari hadas. Setelah itu, suami hendaklah menahan diri daripada melakukan hubungan fizikal dengan isteri (iaitu bersetubuh) sepanjang tempoh idda. Sebelum akhir atau sepanjang tempoh idda suami boleh mmbatalkan perceraian dan menyambung semula hubungan mereka sebagai suami isteri, tetapi sekiranya dipersetujui oleh isteri, dan suami tidak boleh memaksa isteri untuk menerima kembali, walaupun suami menyesali menceraikan isterinya. Dalam kes ini isteri mempunyai kuasa untuk meneruskan perceraian mereka atau ingin menyambung kembali hubungan mereka sebagai suami isteri. Jika dalam tempoh idda, salah seorang pasangan meninggal dunia, maka pasangannya masih berhak dan boleh mewarisi harta pusaka pasangannya. Sekiranya tempoh idda sudah berlalu dan suami tidak menuntut kembali isterinya, maka pencerain tidak boleh ditarik balik dan ia menjadi perceraian yang mutlak (bayan). Selepas itu isteri bebas daripada ikatan perkahwinan dan di benar kan untuk berkawin baru sama ada dengan bekas suaminya atau dengan lelaki lain (Jawad H. A., 1998: 80).

### **Talaq al-hasan**

Talaq al-hasan, pencerain atau talaq ini merupakan sesuatu bentuk perceraian yang kurang diluluskan perceraianya. Suami melafazkan perceraianya kepada isterinya sebanyak tiga kali berturut-turut dalam tempoh tiga bulan, setiap sekali lafaz setiap bulan sepanjang tempoh tuhr. Suami boleh membatalkan perceraian atau talaqnya selepas perceraian yang pertama atau kedua, tetapi selepas perceraian ketiga perceraian itu menjadi mutlak (bayan). Perbezaan antara perceraian pertama dan kedua dengan perceraian ketiga adalah sewaktu perceraian ketiga isteri tidak boleh berkahwin semula dengan bekas suaminya sehingga isteri berkahwin dengan orang lain terlebih dahulu dan bercerai dengan suami barunya dan selepas itu barulah isteri dibenarkan untuk berkahwin semula dengan bekas suaminya semula. Hal ini adalah untuk bertujuan supaya dapat mengelakkan perceraian terburu-buru dari pihak suami (Abdur Rahim, 1968: 337).

### **Talaq al-Bid'ah**

Talaq al-Bid'ah (inovatif), perceraian ini atau talaq ini paling banyak digunakan dan paling sedikit dipersejuki dari segi agama Islam. Dari segi undang-undang, talaq ini akan berkesan sebaik sahaja lafaz perceraian itu berlaku. Talaq ini boleh diucap pada bila-bila masa sahaja tidak hanya dalam tempoh suci dari hadas. Selepas talaq ini bekas lelaki tidak dibenarkan untuk berkahwin semula dengan bekas isterinya melainkan selepas bekas isterinya berkahwin dengan orang lain dan bercerai dengan orang tersebut (Ibnu Taymyah dan Sayed Gad, 2000). al-Quran tidak menyatakan apa-apa mengenai talaq bid'ah ini. Nabi amat memarahi orang yang menggunakan talaq bid'ah ini, iaitu dengan melafazkan talaq tiga pada satu masa dan beliau berkata, ‘Bagaimana kamu mempermudahkan kitab Allah semasa saya masih hidup di dunia ini?’ (Muhammad kab Adamu, 1987: 67). Setelah itu beliau mengarahkan lelaki itu untuk mengambil kembali isterinya. Walau bagaimanapun, perceraian atau talaq bid'ah ini ada lah sahih dan ada terkandung di bawah pemerintahan Khalifah kedua (Umar al-Khattab). Talaq ini kekal sah dari sisi undang-undang dan ia berkesan dikalangan sunni, tetapi syiah tidak mengiktiraf talaq ini sebagai jenis perceraian. Amalan ini sangat merendah-rendahkan maruah kaum wanita Islam dan ia boleh menyababkan kaum lelaki untuk menikmati hawa nafsu mereka sehingga tidak terbatas dan tidak menunaikan tanggungjawab mereka terhadap keluarga mereka. Ibnu Taimiyah (ahli undang-undang yang besar) menyatakan bahawa lafaz perceraian lafaz tiga kali pada satu masa adalah tidak sah dan tidak mempunyai kesan terhadap perkahwinan berkanun. Matlamat beliau adalah untuk melindungi kaum wanita, kerana menyangka bahawa kaum ini ditindas sewaktu pemerintahan Umar al-Khattab yang megesahkan perceraian atau talaq bid'ah ini (Jean Holm, et., al., 1994: 106). Perceraian dalam perkahwinan oleh isteri terbahagi kepada dua bentuk: Pertama, Talaq al-tawfid, atau diwakilkan perceraian. Sewaktu perkahwinan suami bersetuju untuk mewakilkan kepada isteri kuasa untuk melafazkan talaq, ini sekali gus membolehkan isteri untuk membubarkan perkahwinan mereka. Hal ini perlu

dipertekankan kerana setelah suami memberi kuasa perceraian kepada isterinya, dia tidak berhak untuk mengambil kuasa perceraian itu kembali. Sesungguhnya perceraian tawfid adalah satu senjata yang kuat di tangan isteri, kerana ia dapat digunakan oleh isteri sekiranya suami melanggar syarat-syarat dalam perkahwinan. Kedua, Khula, sesetnagah ulama mengenali ia sebagai tebusan (Jamal J. Ahmad Nasir, 2009: 78). Perceraian ini berlaku apabila isteri memulakan perceraian, tetapi suami perlu bersetuju untuk membebaskan isterinya sebagai balasan isteri membayar semula sebahagian atau sepanuhnya mas kahwin atau mahar (Abdul Rahman, et., al., 2000). Hak khula untuk wanita diakui dan dihormati semasa awal era Islam lagi, dan kaum wanita sering dibenarkan untuk melaksanakan khula ini tanpa rasa takut akan ugutan. Bagi kaum wanita mereka tidak perlu mempunyai sebab-sebab tertentu untuk meminta khula, sebagai contoh; sekiranya isteri tidak berpuas hati dengan suami mereka, maka ia cukup untuk mereka melakukan perpisahan di bawah khula. Terdapat contoh yang berlaku pada zaman Rasulullah s.a.w., iaitu, isteri Thabit bin Qias datang kepada Nabi dan berkata, "Ya Rasulullah! Saya tidak menyalahkan Thabit untuk mencacatkan sikap atau agamanya, tetapi saya menjadi seorang Islam dan tidak suka untuk diperlakukan dengan cara yang tidak Islam (jika saya tetap dengan dia)". Maka sabda Rasulullah kepadanya, "kamu akan memberikan semula taman atau kebun kamu, dan menceraikannya sekali". Pada masa kini khulaf jarang dilakukan. Malah masih ramai wanita di dunia ini tidak sedar akan kewujudan khula ini. Dan walaupun mereka tahu, tetapi mereka tidak berani untuk melakukannya kerana tajut akan suaminya. Terdapat perceraian yang perlu perdetujuan kedua-dua pihak, dan ia dipanggil perceraian Mubara'ah. Perceraian ini merupakan perjanjian diantara suami dan isteri untuk berpisah dari ikatan perkahwinan mereka tanpa sebarang pertukaran dan pembayaran oleh mana-mana pihak. Kaedah yang terakhir untuk perceraian adalah melalui proses kehakiman, dan ia terbahagi kepada dua kes, iaitu lian dan fasakh. Lian adalah perceraian dengan sumpah dan ia berlaku apabila suami menudauh isteri berzina

tanpa bukti. Mahkamah akan mengkaji kes itu dan mendengar sumpahan dari kedua-dua pihak suami isteri dan akan mengeluarkan satu keputusan yang membenarkan pembubaran sesuatu perkahwinan. Perceraian ini adalah muktamad dan setiap pasangan tidak dibenarkan untuk berkahwin semula diantara satu sama lain. Fasakh atau pembatalan perkahwinan itu berlaku apabila isteri mengemukakan aduan terhadap suaminya atas dasar berikut: mati pucuk, kegagalan untuk memenuhi kewajipan perkahwinan, penganiayaan, gila dan apap-apa sebab lai yang mungkin mewajarkan pembubaran sesuatu perkahwinan itu. Pihak mahkamah akan menyiasat aduan itu dengan teliti, dan hakim akan melulukan aduan tersebut sekiranya aduan itu betul dan wanita itu akan dibebaskan daripada ikatan perkahwinan mereka (Jawad H. A., 1998: 82).

## RUMUSAN

Walaupun undang-undang perceraian ada tertulis dalam al-Quran dengan bertujuan untuk melidungi kaum hawa (kaum wanita), dan membolehkan seseorang untuk membebaskan diri mereka daripada ikatan perkahwinan jika ia menjadi perlu, dan sekiranya mereka tidak sependapat lagi. Pada masa kini, terdapat beberapa jurang yang besar antara prinsip-prinsip Allah dan amalan sebenar. Antara contoh yang dapat dilihat ialah, kebanyakan wanita sukar untuk melaksanakan hak mereka dalam perceraian atau menceraikan kerana mereka dikenakan tekanan social dan mental yang luar biasa. Antara langkah untuk memecahkan halangan ini adalah, mereka perlu menanam sifat keberanian yang sangat tinggi, dan ada sebahagian dari mereka mempunyai sifat ini. Oleh sebab itu, hal yang melibatkan perceraian ini menjadi hak ekslusif bagi lelaki, dan hak ini banyak disalah gunakan oleh kaum lelaki. Oleh itu, dalam kebanyakan kes perceraian yang berlaku, dan disalah gunakan sehingga menyekat, mengawal, dan memalukan kaum watina itu sendiri. Hal ini perlu di titik beratkan pada semua pihak, walaupun dunia semakin berkembang pesat di semua negara, tetapi pembahruan segera bagi proses perceraian secara umum amat diperlukan oleh semua orang, dan pihak-pihak tertentu perlu mengambil

perhatian khususnya ditujukan kepada penyiasatan mengenai motif atau sebab untuk perceraian itu berlaku di pihak lelaki.

## RUJUKAN

- Abdul Rahman al-Sheha, Mohammed Said Dabas, DR. Ahmad Ibn Saifuddin, Abdllaziz Addwesh. 2000. *Woman The Shade of Islam Second edition*. Riyadh, Kindom of Saudi Arabia.
- Abdur Rahim. 1968. *Muhammadan Jurisprudence*. Pakistan: Indus Publications.
- Abu al-Fazl Izzati. 1976. *An Introduction to Shi'I Islamic Law and Jurisprudence*. Lahore, Pakistan: Ashrat Press.
- Al-Quran al-Karim. 2007. *Serai Solutions dan Training. My, Tafsir al-Quran, Surah al-Abzaab (33: 36), Surah al-Nissa' (4: 19), Surah al-Nissa' (4: 35), Surah al-Baqarah (2: 229), al-Baqarah (2: 230), Surah al-Talaaq (65: 1), Surah al-Talaaq (65: 2), Surah al-baqarah (2: 241)*, <http://www.surah.my/33#36>, (9/3/2012).
- Hadis Riwayat Abu Daud, al-Nasa'I dan Ibnu Majah. <http://pernikahanIslam.blogspot.com/2008/10/bab-9-pembubaran-perkahwinan.html> (9/12/2012)
- Ibnu Taymyah, Sayed Gad. 2000. *Fatwas of Muslim Women first edition*. Al-Manarah for translation, Publishing & Distribution, Egypt-Al-Mansoura.
- Jamal J. Ahmad Nasir. 2009. *The Status of Women Under Islamic Law and Modern Islamic Legislation, Third Edition of the Revised and Updated Work*. Editor, H. H. Prof. Eugene Cotran, Mark Hoyle, Martin Lau. Netherlands: Koninklijke Brill NV incorporates the imprints Brill, Hotei Publishing, IDC Publishers, Martinus Nijhoff Publishers and VSP.
- Jawad H. A. 1998. *The Right of Women in Islam*. Birmingham: Westhill College.
- Jean Holm, John Bowker, Leila Badawi. 1994. *Women in Religion*. London: Printer Publishers.
- Kenneth Jan Dorph. 1982. *Islamic Law in Contemporary North Africa*.

London: Pergamon Press.  
Muhammad kab Adamu. 1987. *The Islamic Notion of Marriage and Divorce.*, Laranto, Nigeria: Joeart productions.